



KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN DAN KESEJAHTERAAN BANDAR

Blok 2, Menara Seri Wilayah, Presint 2, 62100 Putrajaya
Tel: 03-8889 7888 Faks: 03-8889 7957
Laman web: www.kwpcb.gov.my

SIARAN MEDIA

UNTUK LIPUTAN MEDIA MASSA

PROGRAM GOTONG ROYONG PERDANA BRICKFIELDS, KUALA LUMPUR

23 Jun 2012, Kuala Lumpur - Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar (KWPKB) hari ini mengadakan Program Gotong Royong Perdana di Brickfields di sini. Program yang dirasmikan oleh YB. Datuk M. Saravanan, Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan Dan Kesejahteraan Bandar itu disertai oleh beberapa agensi kerajaan, NGO dan Pihak Swasta serta warga Brickfields.

2. Antara agensi kerajaan dan agensi bukan kerajaan yang terlibat ialah Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), Pejabat Cawangan Bukit Bintang, KL Star Rail Sdn. Bhd., Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (PPSPPA), Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK), The Temple of Fine Arts (Perbadanan Kesenian Malaysia), Persatuan Young Men's Christian Association (YMCA) dan Rukun Tetangga Brickfields (RT Brickfields).

3. Program Gotong-Royong Perdana ini diadakan adalah untuk mendapatkan kerjasama yang erat daripada masyarakat setempat, agensi kerajaan, pihak swasta dan NGO dalam menjaga kebersihan, keindahan dan keceriaan kawasan Padang Chan Ah Tong, Brickfields dan sekitarnya disamping mengukuhkan rasa tanggungjawab seluruh warga kota untuk menjaga kebersihan Kuala Lumpur ke arah mewujudkan sebuah Bandar Raya yang bersih, indah dan selamat didiami melalui komitmen menyeluruh daripada semua pihak.

4. Objektif utama program ini diadakan adalah untuk:

- a. Memastikan kebersihan, keindahan dan keceriaan kawasan setempat sentiasa dijaga dengan baik;
- b. Memupuk semangat kerjasama dan persefahaman antara masyarakat, kerajaan, pihak swasta dan NGO dalam menjaga persekitaran yang mampan;

- c. Mengurangkan kuantiti sampah yang dibuang disamping mengadakan aktiviti kitar semula bagi menjaga kelestarian alam sekitar; dan
 - d. Menghapus haiwan perosak dan menghalang wabak penyakit seperti denggi dan sebagainya.
5. Pelaksanaan program gotong-royong di Padang Chan Ah Tong, Brickfields ini diharapkan dapat:
- a. Melahirkan masyarakat yang sentiasa prihatin dalam menjaga kebersihan, keindahan dan keceriaan kawasan tempat tinggal, tempat kerja mahupun kawasan pelancongan;
 - b. Memastikan penjagaan alam sekitar yang mampan menjadi agenda utama semua lapisan masyarakat di Malaysia;
 - c. Memupuk semangat persefahaman dan kerjasama di antara masyarakat berbilang kaum di Malaysia; dan
 - d. Menggalakkan kerjasama erat di antara agensi kerajaan, NGO, pihak swasta dan masyarakat setempat dalam menjayakan aktiviti sosial bersama-sama.

Disediakan oleh:

BAHAGIAN KOMUNIKASI KORPORAT
Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar

23 Jun 2012
KUALA LUMPUR